

19/01/2001

Ahli lembaga disiplin diumumkan Isnin

KUALA LUMPUR, Khamis - Lembaga Disiplin Umno yang baru ditubuhkan, akan dianggotai 12 ahli, termasuk vateran parti, kata Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata, nama ahli lembaga itu yang sudah dimaklumkan mengenai pelantikan mereka, akan diumumkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Melaka, Isnin ini.

"Jumlah ahli lembaga ini boleh ditambah mengikut keperluan. Ia akan turut dibantu oleh pegawai kanan ibu pejabat dan wakil dari penasihat undang-undang parti," katanya kepada pemberita selepas bersembang secara terus menerusi umno-online di Pusat Dagangan Dunia Putra (PTC) hari ini.

Jumaat lalu, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengumumkan pelantikan vateran parti, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen sebagai pengerusi lembaga itu.

Lembaga Disiplin diwujudkan selepas pindaan perlembagaan parti November lalu, menggantikan Jawatankuasa Disiplin yang dianggotai oleh timbalan persiden, tiga naib presiden, setiausaha agung dan ketua penerangan Umno.

Dalam sembang selama 40 minit bermula jam 3.20 petang, Khalil menjawab 12 soalan yang menyentuh cara menangkis fitnah, menarik generasi muda, mesyuarat cawangan, mengatasi cawangan tidak aktif, program untuk remaja dan muzakarah Umno-Pas.

Khalil berkata, ibu pejabat Umno menyediakan borang khas untuk mendapat maklum balas bahagian mengenai cawangan parti.

"Saya tidak cakap mereka tidur tetapi tidak aktif. Seseengah cawangan aktif apabila ada pemilihan walaupun kita galakkan mereka aktif sepanjang tahun.

"Sekurang-kurangnya cawangan kini boleh menganjurkan perjumpaan hari raya untuk membolehkan pemimpin dan ahli berinteraksi," katanya.

Beliau berkata, Umno juga mengarahkan pemimpin ahli Majlis Tertinggi (MT) dan jawatankuasa bahagian berjumpa ahli dan bertanya khabar.

Khalil berkata, program bertanya khabar penting kerana Umno mahu setiap ahli mengetahui pemimpin di peringkat cawangan, bahagian dan MT.

"Bahkan kita sedang menyusun lawatan Presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) ke bahagian dan bertemu dengan pemimpin cawangan.

"Ini bermakna Presiden akan mengadakan lawatan lebih kerap ke bahagian untuk berdialog dan bertanya khabar secara langsung bagi menyelesaikan masalah di peringkat akar umbi," katanya.

Menurusi cara itu, katanya, Umno akan dapat mengatasi cawangan yang tidak aktif dan menggalakkan ahli kembali menyokong parti yang berjaya menyediakan pelbagai kemudahan untuk rakyat.

Beliau berkata, Umno juga merancang mengadakan lebih banyak kegiatan membabitkan golongan muda, termasuk profesional dengan mewujudkan Biro Tindakan Sivil.

Program itu, katanya, akan diperluaskan meliputi Pergerakan Pemuda dan Wanita untuk menarik generasi muda.

(END)